

D571

.B E639 AAE

MAHATHIR-MEMALI

(I)

KUALA LUMPUR, 16 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU MENGADAP YANG DI-PERTUAN AGONG SABTU LALU KERANA HAL BERHUBUNG DENGAN PERISTIWA KAMPUNG MEMALI.

BELIAU MENOLAK SPEKULASI KONONNYA BELIAU MEMOHON PERKENAN YANG DI-PERTUAN AGONG SUPAYA MEMBUBARKAN PARLIMEN.

+SAYA MENGADAP YANG DI-PERTUAN AGONG KERANA SERI PADUKA MAHUKAN LAPORAN MENGENAI PERISTIWA KAMPUNG MEMALI,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENGHADIRI MAJLIS JAMUAN TENGAH HARI DIBERIKAN OLEH SERI PACIFIC CORPORATION (SPC), TUAN PUNYA PAN PACIFIC HOTEL.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH MENYEMBAHKAN TAKLIMAT KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG DAN MENAYANGKAN RAKAMAN VIDEO PERISTIWA ITU.

+ KAMI BERITAHU SERI PADUKA APA YANG BERLAKU, YANG SEBENARNYA. ITU SAJA,+ KATA BELIAU.

EMPAT BELAS ORANG AWAM DAN EMPAT ANGGOTA POLIS TERBUNUH DALAM GERAKAN POLIS UNTUK MENANGKAP PARA PENJENYAH DI KAMPUNG MEMALI, BALING 19 NOV LALU.

KABINET PADA 11 DIS MEMBUAT KEPUTUSAN BAHAWA RAKAMAN PERISTIWA ITU DITAYANGKAN KEPADA UMUM. BAGAIMANAPUN, TARIKHNYA BELUM DITETAPKAN. - BERNAMA.

1708MST 16 12 85